



PENGURUSAN KEWANGAN REMAJA

Oleh *Noraziah Mohd Amin*

SEBELUM manusia mula mengenal wang dan nilainya, aktiviti ekonomi masyarakat terdahulu dilakukan dengan menggunakan sistem barter, iaitu sistem pertukaran barang. Setelah wang diperkenalkan, manusia mula melakukan urusan jual beli dengan berpandukan konsep harga dan nilai wang bagi melaksanakan pertukaran hak milik sesuatu barang itu daripada penjual kepada pembeli. Pada masa ini, kehidupan manusia dipermudah dengan adanya objek yang dicipta daripada kertas atau logam yang digelar "wang" dan tidak mustahil juga wang dapat menjadikan masyarakat begitu sengsara sehingga ada yang dikategorikan sebagai mufli. Remaja, sebagai golongan yang baru berjinak-jinak untuk belajar mengurus perbelanjaan sendiri, harus mengambil langkah yang bijak dan pengendalian kewangan yang cekap dapat menjanjikan pelbagai kebaikan kepada mereka.

Berita Harian (6 Disember 2016), dalam laporannya yang bertajuk "Kadar Mufli Golongan Muda di Malaysia Merisaukan", memetik kenyataan Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Azaddin Ngah Tahir, yang menyebut bahawa terdapat sebanyak 1157 kes kebankrapan yang melibatkan golongan di bawah umur 25 tahun yang direkodkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia. Azaddin menyatakan bahawa faktor utama yang menjadikan mereka mufli ialah ketidakcekapan mengurus kewangan sendiri yang didorong oleh kegagalan perancangan kewangan yang baik dan kurangnya pendidikan mengenai hal ini. Menurut Azaddin juga, kajian yang dijalankan oleh Asian Institute of Finance (AIF) mendapati bahawa remaja memiliki tahap pendidikan kewangan yang rendah kerana hanya 28 peratus daripada golongan ini yang beraas yakin untuk mengendalikan pengurusan kewangan selain 58 peratus yang mendakwa bahawa mereka mempunyai pengetahuan kewangan yang sederhana. Oleh itu, jelaslah di sini bahawa maklumat yang tepat tentang pengurusan kewangan yang berkesan yang dimiliki oleh remaja dapat membimbing mereka untuk tidak melakukan aktiviti kewangan yang berisiko untuk menjadikan mereka berstatus "mufli" yang boleh mendatangkan banyak masalah pada kemudian hari.

Pengurusan kewangan yang baik dapat memastikan remaja mampu membayar balik wang pinjaman pendidikan setelah tamat belajar apabila mereka yang tidak mendapat sebarang pekerjaan dalam mana-mana sektor pekerjaan, sama ada swasta ataupun kerajaan, boleh menggunakan wang simpanan yang dikumpulkan untuk menjangkakan perniagaan bagi meneruskan kelangsungan hidup. Laporan *Berita Harian* pada 23 April 2016 bertajuk "1.25 Juta Peminjam PTPN Tersenarai CCRIS" menyatakan bahawa terdapat sebanyak 1.25 juta orang peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang disenaraikan dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) yang antaranya termasuklah peminjam yang sudah tamat pengajian untuk tempoh sekurang-kurangnya enam bulan. Menurut Pengerusi PTPN, Datuk Shamsul Anuar Nasarah, bayaran balik pinjaman PTPN secara konsisten dapat memastikan perbadanan itu mampu mengumpulkan semula wang bagi kegunaan para peminjam yang baharu. Menurut nya juga, PTPN memerlukan anggaran RM5 bilion bagi menyediakan dana kepada peminjam baharu setiap tahun. Oleh hal yang demikian, remaja perlu memastikan mereka memiliki simpanan wang untuk masa depan bagi permulaan kehidupan selepas graduasi sebagai persediaan untuk menghadapi sebarang kemungkinan keadaan ekonomi yang mungkin menjejaskan peluang pekerjaan dan seterusnya membantu mereka melangsaikan hutang pengajian yang ada.

Remaja yang bijak mengurus wang dengan teliti turut nya dapat merancang masa depan dengan lebih strategik. Tabiat menabung yang diamalkan dapat membantunya untuk melanjutkan pelajaran pada peringkat pengajian yang lebih tinggi setelah tamat tingkatan lima atau tingkatan enam di sekolah. Bagi menjalani kehidupan yang menuntut peruntukan kos hidup yang tinggi, pengurusan kewangan yang berhemah, seperti melakukan tabungan yang sistematis dan berterusan, dapat membantunya menampung perbelanjaan tertentu ketika menuntut di institusi pengajian tinggi, terutamanya

yang berlokasi di bandar besar. Selain itu, sekiranya remaja gemar menabung juga, tidak mustahil simpanannya nanti dapat membantunya untuk memulakan pekerjaan yang mungkin memerlukan wang untuk membelanjakan sejumlah wang, seperti pembelian kenderaan untuk ke tempat kerja.

Walaupun remaja mempunyai aliran masuk wang daripada sumber yang terhad seperti ibu bapa dan biasiswa atau pinjaman pendidikan, remaja yang cekap mengurus kewangannya tidak akan terbelenggu dengan masalah kekurangan wang saku jika mereka menggunakan wang yang ada dengan sebaik-baiknya. Secara umumnya, remaja perlu mempraktikkan sikap berijhtam cermat dan pandai mencari ruang menambahkan wang yang semakin susut. Amalan membelanjakan wang secara ekonomi ini memerlukan perancangan belanjawan yang bijak, seperti melakukan pembelian secara pukal dengan berkongsi bersama-sama rakan atau ketika berlangsungnya jualan murah. Di samping itu, pemilihan kedai yang tepat untuk harga yang berpatutan juga perlu dilakukan oleh remaja.

Antara strategi lain perbelanjaan secara bijak termasuklah mengelakkan perbelanjaan tidak berkepentingan, seperti membeli barangan mewah, kerana ikutan rakan sebaya atau peniruan trend golongan muda terkini yang gemar "menayangkan" kemewahan hidup masing-masing dalam media sosial bagi mencetuskan rasa cemburu dalam diri pengguna media sosial yang lain. Berpegang pada pepatah biar papa asal bergaya boleh melemahkan keadaan kewangan remaja jika perbelanjaan secara tidak terkawal berlaku. Sikap membeli secara semberono dan mengikut hawa nafsu menjerat remaja dalam kancuh hutang dan yang lebih membimbangkan ialah penerimaan wang pinjaman daripada ceti haram yang boleh merosakkan kehidupan pelajar tersebut.

Remaja, terutamanya yang bergelar pelajar, seharusnya bijak mengelakkan pengaliran wang keluar dengan menggunakan faedah yang disediakan oleh kerajaan kepada mereka. Sebagai contoh, pelajar institusi pengajian tinggi yang layak mendapat kad debit pelajar

berjumlah RM250 yang menggantikan Baucar Buku 1Malaysia boleh menggunakannya untuk meringankan beban pembelian buku dan alat tulis. Mereka juga boleh menggunakan Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M) yang diwujudkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) untuk membantu meringankan perbelanjaan siswa di institusi pengajian tinggi awam atau swasta seluruh negara. Menurut artikel "Kelebihan Kad Diskaun Siswa 1Malaysia" yang diterbitkan oleh *Utusan Online* pada 25 Oktober 2016, kerajaan tidak menanggung sebarang kos bagi pelaksanaan KADS1M, tetapi direalisasikan menerusi tanggungjawab sosial korporat oleh Bank Rakyat sebagai pengeluar kad dan syarikat yang terlibat dengan pemberian diskaun kepada pelajar sehingga 60 peratus. Selain kad ini, remaja juga boleh menikmati tawaran diskaun atau kupon khas buat golongan pelajar oleh peniaga yang peka dengan bebanan kos sara hidup mereka sebagai cara mereka menaburkan bakti kepada masyarakat.

Remaja boleh menampung perbelanjaan kehidupan harian sebagai pelajar dengan menjalankan kegiatan yang dapat menajatkan pendapatan sampingan, seperti perniagaan kecil-kecilan. Penglibatan pelajar dalam bidang keusahawanan dapat dilaksanakan melalui Koperasi Siswa (KOSISWA) yang ditubuhkan di institusi pengajian tinggi mereka atau persatuan tertentu. Laporan *Bernama* dalam portal rasmi KPDNKK memetik kenyataan Prof. Madya. Dr. Jamalunlaili Abdullah, penasihat KOSISWA UTM Selangor Berhad, bahawa golongan pelajar digalakkan untuk menceburkan diri dalam arena keusahawanan dan KOSISWA berkenaan telah menggariskan beberapa strategi untuk menarik minat siswazah dalam perniagaan melalui sistem koperasi. Beliau juga menyebut bahawa kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia bersedia membantu mereka dengan memberikan dana untuk melahirkan lebih banyak peniaga muda dalam kalangan pelajar. Oleh itu, usaha pihak universiti

merangsang minat pelajar dalam bidang keusahawanan perlu disambut baik oleh mereka untuk menjadi individu yang lebih berdaya bagi mencari sumber kewangan. Remaja juga boleh bekerja secara sambil selepas kelas tamat atau ketika cuti semester bagi menambahkan wang saku sambil menimba pengalaman bekerja. Penajanan wang turut dapat dilakukan dengan menggunakan bakat serta kemahiran yang ada, seperti mengambil upah menghasilkan lukisan video grafik, dan laman sesawang.

Walau bagaimanapun, dalam keghairahan remaja merebut peluang menajatkan pendapatan sampingan, mereka seharusnya mempunyai ilmu yang cukup agar tidak terjebak dalam kancuh skim cepat kaya atau MLM (Multi-Level Marketing) yang juga disebut sebagai "Pemasaran Berbilang Aras" yang boleh mengganggu kestabilan kewangan mereka. Rencana "MLM Sudah Lama Masuk Universiti" dalam *Berita Harian* 23 November 2016 mengupas isu penyertaan pelajar universiti dalam MLM tidak sah yang akhirnya menjerat diri mereka dalam lembah penipuan wang keahlian yang hangus tanpa dapat dituntut kembali oleh pelajar terbahit daripada syarikat yang mengendalikan sindiket MLM tersebut. Menurut artikel berkenaan, "Pelajar ini kebanyakannya tahun satu kerana masih mentah dalam selok-belok pengajian dan pembelajaran di universiti. Sindiket MLM ini bijak memilih masa sesuai untuk beroperasi. Kebiasaannya, mereka akan mendekati pelajar sebaik sahaja pelajar memperoleh wang PTPN atau sebakik wang biasiswa pengajian masuk ke akaun pelajar." Hal ini jelas menunjukkan bahawa remaja seharusnya tidak mudah terpedaya dengan tarikan penajanan kewangan yang banyak dengan cara yang senang dan dalam

masa yang singkat, yang boleh diragui kebenarannya.

Prof. Datuk Dr. Mohammad Shatar Sabran, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehal Pelajar dan Alumni), Universiti Putra Malaysia (UPM), seperti yang dipetik dalam diskusi isu MLM bertajuk "Sindiket MLM Kaut Untung Jerat Pelajar Universiti" dalam *Berita Harian* mendakwa bahawa generasi muda yang mahu menjalani kehidupan mewah mudah diambil kesempatan oleh dalang sindiket ini. Kajian yang dilakukan Mohammad Shatar mengesahkan kewujudan Generasi Y yang terlalu menginginkan kemewahan sehingga sanggup melakukan apa-apa sahaja bagi mencapai hasrat tersebut, termasuklah menyertai MLM. Oleh itu, remaja harus bertindak secara rasional agar diri tidak terpedaya dengan jalan pintas untuk mendapatkan wang, seperti skim cepat kaya atau MLM yang berkonsepkan piramid yang akan membebankan mereka nanti.

Sebagai kesimpulannya, remaja harus bijak merancang perbelanjaan sendiri demi memastikan keadaan kewangan masa depan yang kukuh. Pilihan terletak di tangan remaja, sama ada mahu mengurus kewangan dengan cekap

dan kurang berisiko ataupun terperangkap dalam godaan perbelanjaan tanpa mengikut kemampuan diri, seperti pepatah Melayu ukur baju di badan sendiri. Remaja juga harus bersedia dengan sebarang kemungkinan pada masa depan, seperti kestabilan ekonomi negara yang tergugat atau kehilangan tempat bergantung bagi memperoleh sumber kewangan. Oleh itu, remaja disarankan untuk mendalami ilmu pengurusan kewangan yang berkesan dengan membaca maklumat mengenai perancangan kewangan yang betul, khusus buat golongan belia ini, agar pengurusan kewangan yang cekap dapat diaplikasikan. OS

